

DI DALAM sebuah forum sastra yang diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka pada malam 19 Ogos 1981, salah seorang ahli panel menghuraikan kriteria-kriteria yang harus digunakan dalam menilai dan mengkritik sebarang karya sastra. Kita telah diberitahu bahawa dalam ilmu kritikan sastra masa kini empat kriteria utama biasanya digunakan, iaitu 'kebenaran', 'kecantikan', 'berfaedah kepada masyarakat' dan 'hiburan'. Penggunaan kriteria-kriteria itu sememangnya biasa dianjurkan oleh ahli-kritikan sastra di Barat yang berpegang kepada kriteria-kriteria estetika yang dianggap universal seperti nilai *truth* (iaitu ketepatan dengan keadaan **sebenar** yang wujud dalam alam nyata, yang harus dibezakan dengan **kebenaran** (Truth) ditinjau daripada ukuran moral yang mutlak), nilai *good* dan nilai *beauty*. Perlu ditegaskan bahawa nilai-nilai ini dalam perspektif Islam tersendiri, sesuai dengan ajaran-ajaran dan pandangan semesta (Weltanschauung) Islam. Dalam konteks pemikiran, orang Islam sedang berusaha membebaskan diri daripada ideologi dan nilai yang bertentangan dengan pandangan semesta yang berteraskan pengakuan pengabdian hanya kepada Allah s.w.t dalam kehidupan insan, adalah amat wajar bagi setiap cendekiawan Muslim meninjau kembali secara kritis setiap konsep atau nilai yang diterimanya daripada alam pemikiran Eropah atau Amerika atau Republik Rakyat China.

Dalam arena kritikan seni dan sastra, Republik Rakyat China sedang mengalami satu masa perubahan yang besar, iaitu selepas gerakan Oktober 1976 yang mengakhiri era kekuasaan *The Gang of Four*. Liu Zaifu dalam tulisannya yang berjudul "Aesthetic Criteria for Literary and Art Criticism" (Social Sciences in China, Beijing, Vol. 11, No. 1, March 1981, hlm. 187-219) menjelaskan seperti berikut:

"With the great victory of October 1976, in a matter of three or four years we have turned the page on an era of rampant superstition and ended a period of impoverished art. Breaking through a thick layer of ice, our art and literature have begun to regain their vitality. The hearts and minds of writers and artists have begun to resonate with those of the people. The progress of artistic and literary creativity calls for a corresponding advance in criticism. We must seriously consider how to establish aesthetic criteria for the scientific appraisal of artistic value."

(hlm. 188-189)

Penulis Cina itu menerangkan bahawa selama tiga puluh tahun kebelakangan penciptaan seni dan sastra

Beberapa Catatan Mengenai Kriteria-kriteria Estetika dalam Seni dan Sastra

Oleh Mohd. Kamal Hassan

telah menjadi kaku. Ini disebabkan oleh kecenderungan ke arah "stereotyped writing on assigned topics" diikuti oleh "politicization of criteria, creation after set models...". Seni menjadi "perempuan abdi kepada tahayul moden" ("the slave girl of modern superstition" hlm. 188) sehingga pada satu waktu kesetiaan kepada pemerintah menjadi satu-satunya tema dalam kesenian dan sastra. Tetapi dalam tahun tiga puluhan lagi seorang sasterawan Cina yang terkenal, Lu Xun, telah menganjurkan supaya *truth* (ketepatan dengan keadaan yang sebenar wujud dalam alam nyata), *utility* (berfaedah kepada kemajuan masyarakat) dan *beauty* (keindahan) dipakai sebagai kriteria bagi kritikan seni dan sastra sosialis. Liu Zaifu bersetuju dengan cadangan itu, lalu dia cuba mengulas kriteria itu satu persatu.

I Yang Benar (*The True*)

Yang dimaksudkan dengan kriteria ini ialah ketepatan dengan aspek-aspek kehidupan sosial yang sebenarnya, sehingga nilai utama seorang sasterawan atau seniman wujud di dalam *the truth of life* yang terpancar di dalam karyanya atau di dalam *the trueness of his descriptions*. Pengkritik-pengkritik Soviet Rusia seperti Belinsky, Chernyshevsky, Dostoyevsky dan Plekhanov juga bersetuju dengan pandangan bahawa 'sekiranya sastra ialah pernyataan daripada kehidupan manusia, maka syarat pertama yang harus ada pada kritikan ialah ketepatan dengan realiti'. Dengan kata lain *authenticity* menjadi satu ukuran yang amat penting kepada seseorang pengkritik.

Ketepatan dengan realiti sosial ini tidak bererti bahawa sesuatu yang dipaparkan di dalam karya itu mestilah benar-benar wujud sebagai fakta, tetapi mestilah berdasarkan kepada watak-watak dan peristiwa-peristiwa yang benar-benar wujud dalam ruang dan masa. Kemudian realiti yang diwakili itu di dalam karya dimasukkan ke dalam bentuk yang betul (correct form) supaya watak-watak yang betul-betul menepati realiti (Truly typical characters) berada dalam suatu persekitaran yang menepati realiti (a typical environment). Ini memerlukan pengetahuan yang mendalam tentang realiti sosial yang wujud. Kalau tidak sesuatu karya itu tidak akan mempunyai nilai ilmu pengetahuan (knowledge value).

DITINJAU dari perspektif ajaran Islam dan pandangan semestanya, kriteria *authenticity* ini pada umumnya boleh diterima, dengan beberapa syarat. Sebuah karya sastera yang baik mestilah terlebih dahulu mempunyai asas di dalam kenyataan atau pengalaman manusia. Itu tidak harus dipertikaikan. Yang perlu direnungkan dan diambil kira ialah beberapa persoalan berikut:

- a) Perbezaan antara **kenyataan** (yang dikatakan sebagai *true* atau *truth* itu) dengan **kebenaran** yang mutlak, atau, perbezaan antara *realiti* yang dapat dilihat dengan *realiti secara hakiki*, dan juga antara realiti yang menceritakan *what is* dengan realiti yang diterangkan melalui wahyu.
- b) Realiti dan pengalaman manusia, dalam pandangan semesta Islam, mempunyai dimensi-dimensi yang tidak terhad kepada pengalaman dengan manusia atau pengalaman kebendaan, metai, emosi atau psikologi. Satu daripada dimensi yang amat asasi dan amat penting itu ialah pengalaman kerohanian (spiritual) dan pengalaman *nafs* (soul) dengan dinamismentya yang tersendiri.
- c) Apakah daya imaginasi manusia untuk memaparkan, mewakili dan menggambarkan realiti (baik yang 'horizontal' atau yang 'vertikal') tidak dikenakan sebarang had atau batas? Apakah batas-batas keharusan dalam pendedahan atau kaedah deskripsi sesuatu watak atau keperihalan manusia yang berasaskan kenyataan itu?
- d) Apakah tujuan di sebalik karya seni atau sastera? Kerana soal tujuan adalah soal yang amat pokok dalam penilaian yang memakai kayu ukur Islam, ia harus mendapat perhatian yang sewajarnya baik oleh si pengkritik Muslim atau seniman dan sasterawan Muslim.

Dalam karya seni atau sastera yang dipengaruhi oleh aliran *socialist realism*, kenyataan atau realiti

yang diiktiraf sebagai 'benar' atau 'real' hanyalah kenyataan kehidupan manusia yang berputar di sekitar masalah ekonomi, politik, sosial, mental dan intelektual. Apa yang dikatakan sebagai *human* tidak termasuk hubungan manusia dengan realiti metafizik di luar alam benda atau alam pancaindera. Kalaupun kewujudan itu dinyatakan, ia dinyatakan bukan untuk menunjukkan bahawa dimensi itu benar-benar ada, tetapi untuk menunjukkan bahawa ia bukanlah *phenomenon* tetapi *epiphenomenon*, suatu *by-product* dari cara manusia menjalankan kehidupan perekonomian, politik dan sosialnya. Akibatnya suatu dimensi kenyataan dan pengalaman yang begitu penting dan dalam dari perspektif realiti yang hakiki tidak mendapat tempat yang sewajarnya dalam pengucapan seni dan sastera.

Ini tidak bererti bahawa pendedahan dan penggambaran beberapa keperihalan insan yang tidak baik dalam masyarakat, seperti kezaliman, ketidakadilan ekonomi, politik dan kejahatan manusia dalam berbagai bentuknya secara terperinci tidak harus dilakukan. Ini perlu didedahkan tanpa melupai bahawa pengalaman insan dan kezaliman bukan terhad kepada persoalan politik ekonomi dan sosial sahaja. Sekiranya tujuan pendedahan itu untuk menimbulkan kesedaran masyarakat yang lebih terarah kepada perubahan yang sewajarnya, maka usaha itu dianggap baik oleh agama Islam. Tetapi sekiranya dengan pendedahan itu si karyawan ingin menarik perhatian kepada apa yang dirasakan sebagai **satu-satunya** dimensi yang *real* dan **paling** menentukan nasib kehidupan manusia—ertinya secara tidak langsung menafikan kewujudan dimensi *supra-human* dalam fenomena sosial—maka kebaikannya boleh dipersoalkan. Kadang-kadang pengalaman hidup si pengkritik sendiri mungkin hanya terbatas kepada dimensi-dimensi mendatar sahaja sehingga daya kritiknya tidak dapat menjangkau kenyataan-kenyataan yang tidak kelihatan. Ini boleh menimbulkan kekeliruan interpretasi dan tanggapan apabila ia berhadapan dengan kenyataan kerohanian yang disangkakan sebagai manifestasi dari pergoalakan dalam alam bawah-sedar manusia atau *repressed feelings* (menurut Freud). Ia ternyata belum mengenali hakikat *roh* (spirit) dan *nafs* (soul) dalam diri dan pengalaman insan. Penglihatannya baru menembusi alam *mind* (alam fikiran yang terikat kepada operasi otak manusia), *psyche* dan emosi.

Apabila kesedaran tentang realiti sosial ditambah dengan kesedaran tentang wujudnya dan berfunksinya realiti kerohanian dan realiti ketuhanan, barulah si karyawan Muslim dan si pengkritik muslim akan mempunyai persepsi yang berlainan daripada materialisme, sekularisme, eksistensialisme, Freudianisme, humanisme sekular dan realisme sosialis. Dengan

demikian skop persepsinya akan menjadi lebih luas dan lebih mendalam, lantas lebih mampu memahami kompleksiti kewujudan insan.

II. Yang Baik (*The Good*)

YANG dikatakan baik itu dilihat hanya dari segi faedah dan matlamat kepada masyarakat (social utility). Ia juga disebut oleh Lu Xun sebagai "kriteria kemajuan" (criterion of progress). Dalam pandangan Liu Zaifu "art as one of the social ideologies, just like morality, law and science, serves the practical social activity of mankind as a powerful instrument for transforming the world" (hlm. 199).

Perspektif Islam melihat seni dan sastera sebagai alat untuk memajukan kehidupan dan tamadun manusia, oleh kerana itu konsep 'seni untuk seni' atau 'sastera untuk sastera' tidak mempunyai nilai dalam tamadun Islam. Tetapi 'kemajuan' dan 'perubahan masyarakat' mempunyai pengertian yang tidak semestinya sama dengan konsepsi komunis, sosialis atau liberal. Kemajuan dalam konsepsi Marxis atau liberal, antara lain bermakna semakin bebasnya manusia daripada nilai-nilai agama dan kepercayaan kepada Tuhan, maka semakin kuat pergantungannya kepada fikiran bebas, sains dan teknologi. Ringkasnya ukuran kemanfaatan sosial mempunyai makna yang berbeza dalam pandangan semesta Islam, Marxis dan liberal.

Dalam proses menuju ke arah penghapusan penindasan di dalam masyarakat, seni dan sastera dari perspektif Marxis "should form a wing of the proletarian political struggle" (hlm. 200). Liu Zaifu menerangkan bahawa konsep *social utility* mestilah dilihat dari sudut yang lebih tinggi dan lebih luhur dari sekadar menjadi alat politik. Ia harus meliputi tiga pertimbangan:

- 1) That which is beneficial to man in his struggle with evil forces, in propelling the practical activity of social reform.
- 2) that which increases man's knowledge, expediting man's subjugation of nature and enhancing civilization.
- 3) that which can mould man's soul to enrich the spiritual life of man and society, and elevate man's self-esteem, spiritual plane and moral attainment. (hlm. 200)

Sekali imbas, ketiga-tiga pertimbangan di atas boleh dikatakan sesuai dengan pandangan semesta Islam. Malah ia boleh diterima sebagai mengandungi aspirasi golongan humanis, eksistensialis dan liberal. Pada zahirnya, seolah-olah tidak ada perbezaan besar antara aspirasi Islam, humanis eksistensialis, liberal, Marxis dan Maois. Tetapi apabila diperhalusi satu persatu apa yang dimaksudkan dengan *struggle with*

evil forces, man's knowledge, subjugation of nature, enhancing civilization dalam konteks tiap-tiap pandangan semesta di atas, akan ternyata bahawa isinya tidak sama, bahkan bertentangan antara satu sama lain. Seorang seniman atau sasterawan muslim yang mengenali dan menghayati agama Allah tidak akan mudah tertipu dengan pernyataan aspirasi yang kelihatan sesuai dengan pandangan semesta Islam padahal hakikatnya jauh berbeza daripada apa yang dimaksudkan oleh Islam dengan kata-kata di atas.

Pertimbangan yang ketiga, "sesuatu yang dapat membentuk jiwa manusia untuk memperkayakan kehidupan kerohanian manusia dan masyarakat, dan untuk meninggikan harga diri, tingkatan kerohanian dan pencapaian moral manusia" sungguh mempesonakan. Rupa-rupanya ideologi Marxis yang atheistic itu juga mempunyai kesedaran kerohanian. Kalau demikian halnya, maka mungkin ada orang Islam yang menyangka bahawa tidak ada perbezaan antara ideologi itu dengan Islam sebab aspirasi itu termasuk di dalam aspirasi agama seorang muslim. Liu Zaifu dan pemikir-pemikir Marxis tidak sekali-kali bermaksud dengan 'kerohanian' itu suatu sifat asasi yang dianugerahkan oleh Allah kepada manusia dalam bentuk roh yang berpunca dari sifat ketuhanan. Sifat 'kerohanian' yang dimaksudkan itu tidak lain dari sifat manusia yang dapat membebaskan diri dari dorongan-dorongan keb binatang yang liar (liberate himself from bestiality), memperhaluskan perasaan kemanusiaan (to refine man's soul), membangunkan ketamadunan manusia, meninggikan kehormatan diri (heighten his esteem) dan memperdalamkan perwatakan manusia (deepen a man's character). Tidak ada kaitan langsung dengan hubungan manusia dengan Allah atau Tuhan.

Mengenai kesedaran moral pula, yang ditekankan oleh Liu Zaifu bukannya nilai-nilai moral yang berpunca dari wahyu atau agama Allah, tetapi yang timbul dari pemikiran rasional manusia sejagat. Kata Liu Zaifu:

"Masyarakat manusia telah mengumpul secara beransur-ansur beberapa ukuran, norma moral yang universal dan menetap. Sebagai contoh, kumpulan-kumpulan manusia yang progresif pada tiap zaman dan tiap masyarakat mencapai yang benar (the true), yang baik dan yang indah, yang menyanjung sifat-sifat moral seperti keberanian, kejujuran, kebijaksanaan, keikhlasan, kesetiaan, kesediaan menolong orang lain dan menghormati kebenaran (the truth). Semua menerima kegembiraan yang datang dari cinta yang suci dan persahabatan yang jujur. Semua menerima bahawa kebatilan, kecurangan, penipuan, pencurian, rasa pengecut, bertindak tanpa panduan, kekejaman dan belot

terhadap negeri sendiri adalah perbuatan-perbuatan yang tidak bermoral... Si Proletariat mestilah mengajar generasi muda bagaimana hendak menghadapi kehidupan, pekerjaan, cinta dan perkahwinan dengan betul, bagaimana hendak menunjukkan kehormatan kepada guru-guru mereka dan orang-orang yang lebih tua daripada mereka” (hlm. 204).

SEKALI lagi persamaan nilai-nilai akhlak yang tersebut di atas dengan nilai-nilai akhlak Islam cuma wujud pada kulit luar saja, pada nama bukan pada isinya, kerana ukuran, sandaran hukum dan operasi nilai-nilai itu pada keadaan yang spesifik dalam perspektif Islam ditentukan oleh wahyu dan syariah. Yang baik secara mutlak dan berguna ditentukan oleh Allah s.w.t dan kemudian disokong oleh akal yang waras. Yang baik dan yang berguna secara mutlak bukan ditentukan oleh masyarakat; apa yang dianggap baik oleh masyarakat, selagi ia bertentangan dengan peraturan dan ketetapan Allah, tidak akan dianggap baik (*good*). Begitu juga dengan keburukan. Apa yang *makruf* (baik di sisi Islam) dan apa yang *mungkar* (buruk di sisi Islam) tidak tertakluk kepada persetujuan atau tidak dari masyarakat dan kepada peredaran zaman. Dengan demikian nilai kebaikan atau kriteria kemanfaatan kepada masyarakat dalam karya seni atau sastera hasil usaha si muslim, mestilah tunduk kepada definisi *makruf* dan *mungkar* dalam ajaran Islam, bukan kepada akal yang bebas ataupun peredaran zaman, atau kepada pendapat beberapa orang sasterawan.

Sekiranya hal ini tidak disedari oleh seniman atau sasterawan muslim, maka ia akan mudah dipengaruhi oleh pandangan atau gagasan yang mengandaikan bahawa nilai-nilai kebaikan, kebenaran dan keindahan adalah selalu berubah (*mutable*), relatif, subjektif dan terikat dengan masa (*time-bound*) dan budaya (*culture-bound*). Pada waktu itu persepsinya benar-benar berkonflik—walaupun ia tidak menyedarinya—dengan dasar iman seorang muslim kepada Allah. Ia mengejar apa yang ia sangkakan kesempurnaan daya kreatifnya dalam satu lingkaran imaginasi yang terus berputar tanpa kesudahan, mencari bentuk yang lebih baru tanpa mengira apakah bentuk baru itu benar-benar baik dan berguna dari segi ajaran agama Allah. Ia mengekori seniman-seniman dan sasterawan-sasterawan yang membelakangi Tuhan yang sebenar, baik dari dalam seni liberal-sekular atau Marxis-atheistis, tanpa memikirkan secara mendalam bahawa kekreatifan yang dibebaskan dari nilai-nilai baik dan buruk yang ditetapkan oleh Pencipta Yang Maha Bijaksana sebenarnya ialah kekreatifan (atau amal) seorang hamba yang memberontak terhadap kekuasaan Tuan-Nya. Si karyawan muslim yang menginsafi hakikat ini

tidak akan merasakan *inferiority complex* berhadapan dengan karya-karya seperti itu kerana ukuran kebaikan dan kemanfaatan seni dan budayanya berbeza dengan apa yang terdapat dalam masyarakat liberal-sekular atau Marxis-atheistis.

Ia tidak mencari keredaan dan penghargaan masyarakat; ia merinduki keredaan Ilahi yang menghidupkannya dan ia bimbang akan kemurkaan-Nya dalam setiap karyanya, baik yang berbentuk ukiran, tulisan, ucapan, lukisan atau bunyian. Ia menyedari bahawa dalam pandangan semesta Islam, masyarakatlah yang harus tunduk kepada kehendak Ilahi, bukannya ketetapan-Nya yang harus tertakluk kepada perubahan masyarakat, sama ada masyarakat itu masyarakat feodal, borjuis, ‘proletariat’, ‘tak berkelas’ atau masyarakat para sasterawan, seniman, dramatis, artis dan ‘pencinta alam’. Semua bentuk masyarakat, kelompok atau golongan profesional itu, meskipun dengan kepelbagaiannya, tetap merupakan makhluk kerdil yang terpaksa bergantung kepada kemurahan dan kasih-belas Allah s.w.t untuk bernafas, bergerak, berkarya dan berimaginasi. Hakikat ini tidak diakui dan tidak dihiraukan oleh para pragmatis, liberal dan Marxis yang disanjung tinggi, digurui dan dipuja oleh sebahagian seniman, budayawan dan sasterawan tempatan. Apakah si muslim boleh melupai hakikat ini di dalam berkarya? Sanggupkah ia mengkompromikan imannya bahawa ukuran kebaikan yang sebenarnya datang daripada Allah dengan falsafah utilitarianisme dan pragmatisme yang menganggap bahawa kebaikan sesuatu itu bergantung kepada kegunaan kemasyarakatan (*social usefulness*) dan *practicality*, bukan kepada sumber ukuran yang berada di luar masyarakat, iaitu Allah?

III. Yang Indah (*The Beautiful*)

Liu Zaifu mengakui wujudnya perbezaan pendapat tentang apa yang dimaksudkan dengan ‘keindahan’ meskipun semua pihak bersetuju bahawa hasil seni dan sastera mestilah pertama sekali mempunyai keindahan. Pada pandangan beliau, di antara beberapa ciri keindahan terdapat dua yang asasi:

A) Imej yang dapat ditanggapi dengan jelas melalui pancaindera. Ciri ini disebut oleh Plekhanov sebagai *directness* (*The singularity of the enjoyment of beauty lies in its directness*, hlm. 207) atau ‘kelangsungan’. Intuisi tentang rasa indah, kata Liu Zaifu, “sebenarnya ialah cerminan dari kewujudan keindahan dalam sesuatu imej” (hlm. 207). Beliau menerangkan bahawa

“Anak kunci kepada kritikan seni dan sastera ialah dengan memulakan perhatian kepada imej-imej yang khusus, atau dimulakan daripada rasa keindahan yang timbul dari imej-imej, kemudian dianalisa

apakah imej-imej itu benar atau typical, seterusnya dianalisa ciri-ciri serta cara rasa keindahan itu dinyatakan melalui imej-imej. Kesalahan yang paling serius dalam kritikan kita pada zaman silam ialah kita memulakan dari prinsip-prinsip tertentu, ajaran-ajaran dan konsep-konsep dan tidak dari imej itu sendiri" (hlm. 208).

B) Faktor emosi mestilah mengatasi faktor-faktor lain seperti imej idea atau imjinasi. Ciri yang dipanggil *emotionalism* ini dianggap lebih penting dari imej, dan ialah yang membezakan antara seni dan sains. Melalui emosi sajarah karya seni dan sastera dapat menggerakkan hati khalayaknya. Ia mestilah berjaya menggerakkan perasaan yang mendalam di pihak khalayaknya. Di samping itu faktor keaslian (*originality*) mestilah diberi perhatian, kerana (karya seni yang bernilai selalunya mempunyai sesuatu yang istimewa atau yang membawa pembaharuan sama ada dalam memilih pokok persoalan (*subject*), pengolahan plot, teknik, penggambaran watak, penggunaan bahasa atau gaya yang berseni" (hlm. 210).

Liu Zaifu seterusnya mengatakan bahawa Karl Marx menganggap penciptaan keindahan sebagai satu daripada matlamat penghasilan seni dan menanggapi keindahan sebagai satu jenis hasil (*product*) apabila beliau berkata, "*Labour created beauty*" (hlm. 212). Rasa cintakan keindahan ini, menurut Liu Zaifu, ialah satu kekuatan kerohanian (*spiritual force*) untuk memajukan masyarakat dan satu makanan kerohanian (*spiritual food*) untuk dinikmati oleh perasaan manusia. (Sekali lagi kerohanian difahami hanya sebagai satu aspek perasaan manusia). Si pengkritik, menurut Liu Zaifu, "mestilah bermula dari perasaannya yang sebenar tentang apresiasi keindahan dan menilai unsur-unsur kebenaran (bukan Kebenaran!), kebaikan dan keindahan yang terdapat di dalam sesebuah karya seni secara menyeluruh" (hlm. 215).

DARI perspektif Islam, nilai keindahan sangat dihargai. Keindahan bentuk (*form*) dan isi (*content*), keindahan bahasa, keindahan perasaan, keindahan gaya dan keindahan mesej, semuanya dianggap penting dalam menilai sesuatu penghasilan dan pengucapan seni. Tetapi setiap aspek keindahan estetika tertakluk kepada tujuan moral dan kerohanian Islam. Ia bukan bebas dari matlamat hidup yang ditetapkan oleh Allah. Dengan demikian keindahan bukan diukur dari keserasian dengan emosi atau rasa keindahan yang subjektif, iaitu secara istimewa dimiliki oleh si penilai. Keindahan bentuk dan isi diperolehi melalui pengabdian kepada tujuan yang direndai oleh Allah. Tanpa pengabdian itu nilai keindahan dengan sendirinya turun ke taraf *surface value*, kecantikan lahiriah semata-mata yang amat nisbi sifatnya. Dengan kata lain kecantikan fizikal,

lahiriah dan perasaan yang dicipta oleh orang Islam mestilah berfungsi sebagai alat kepada tujuan agama Islam dan tujuan ia diwujudkan. Dalam pandangan semesta Islam semua aspek kehidupan insan—politik, ekonomi, budaya, ilmu, sains dan teknologi, seni dan sastera—tidak mempunyai atau matlamat yang dapat dipisahkan dari matlamat pengabdian kepada Allah s.w.t. Malah matlamat inilah yang mengikat secara 'padu semua' aspek kehidupan dalam satu ikatan yang unik dan harmonis.

Keindahan yang bersandar kepada emosi melalu mungkin menjadi keindahan yang palsu sekiranya emosi itu tidak diserapi dan dibatasi oleh nilai-nilai yang benar dan menetap. Emosi dan citarasa yang tidak dipupuk atas asas kesedaran perhambaan kepada Allah, atas keimanan dan ketaqwaan sebagaimana yang dijelaskan dalam ajaran Islam, tidak dapat dijadikan ukuran keindahan dalam karya seorang muslim, kerana emosi sedemikian boleh bersifat *earth-bound* (terikat kepada dunia sahaja), *rationalistic* (berteraskan fikiran yang bebas dari pengaruh agama), *purely aesthetic* (semata-mata perasaan estetika), dan kerap kali *passion-bound* (berpaut kepada hawa nafsu), meskipun ia diucapkan melalui bahasa, imej, bentuk, teknik dan gaya yang cantik (dari ukuran lahiriah), asli, baru dan menarik perhatian.

Dalam samudera perasaan yang sedemikian, nilai-nilai yang datang dari Allah tidak mendapat penghargaan selayaknya kerana kononnya itu ialah samudera perasaan manusia bebas dan hanya kemanusiaanlah yang benar-benar berhak berbicara tentang keadaan dirinya (*la condition humaine*) secara *existentialis*. Dari perspektif al-Quran, emosi dan cita rasa yang mengenyepikan rasa pengabdian kepada Allah akan menjadi sarang pemikiran yang bercampur dengan ilusi ciptaan Syaitan, Iblis dan Jin yang amat halus (*subtle*) permainannya. Keluhuran rasa yang sungguh indah itu datangnya dari ilham samawi, dari alam yang lebih tinggi dan jarang-jarang sekali dapat hinggap di atas dahan yang amat rapuh itu, meskipun ia kelihatan besar dan kuat.

Mengenai soal keaslian (*originality*) atau pembaharuan pula, Islam menentukan keaslian dan pembaharuan yang diharuskan dan tidak diharuskan. Keaslian yang menekankan nilai akhlak—kerohanian Islam yang tinggi memang diperlukan; kalau ini tidak dapat dicapai adalah lebih baik diikuti sahaja satu bentuk (*prototype*) yang mempunyai kebenaran yang tetap dan abadi. Sebab itu pembaharuan (*tajdid*) dalam perspektif Islam bererti menyimpang dari jalan yang salah serta mengelirukan untuk menemui kembali jalan yang lurus dan benar pada awalnya. Bentuknya mungkin mengalami perubahan tetap intipati mesejnya tetap mendekati dan menghidupkan kesucian yang semula. Jadi keaslian yang menghidupkan nilai-

nilai yang bertentangan dengan nilai-nilai pemberian Allah melalui wahyu tidak mempunyai harga di sisi Islam. Keaslian dari perspektif Islam hendaklah berada dalam batasan nilai-nilai kemunasabahan agama Allah dan batasan makna 'amal salih'.

Sebagaimana kebenaran, kemanfaatan dan keindahan mempunyai ukurannya yang tersendiri dalam Islam, begitu juga nilai-nilai sebaliknya—ketidakbenaran, ketidakmanfaatan dan kebodohan—mempunyai definisi dan perincian yang jelas dalam sistem nilai dan pandangan semesta Islam. Kita tidak berasa semacam kekaburan apabila membicarakan apa yang tidak benar, tidak berguna dan tidak indah apabila kita bersedia merujuk kepada sistem nilai yang mutlak benar itu. Tetapi apabila kita membelakangkan sistem nilai itu, kita akan berada dalam satu situasi nilai moral yang serba cair dan relatif, kabur dan tiada ketegasan tentang apa yang sebenarnya baik dan sebenarnya buruk. Kita mungkin merasa seronok berenang dalam lautan kebebasan rasa dan nilai yang berubah dari masa ke semasa, tetapi kita akan menipu diri kita sendiri dan orang lain, sekiranya kita menyangka bahawa dari gelombang kebebasan rasa, emosi dan intelek itu kita dapat mencipta karya yang benar-benar berguna dan bernilai untuk manusia. Yang dilihat dan dipersembahkan sebagai madu yang menyihatkan jasad itu sebenarnya dibuat dari bahan-bahan gula tiruan yang boleh memabukkan.

Untuk mengakhiri tulisan ini, saya ingin memetik sebahagian daripada syair pujangga Islam, Muhammad Iqbal, yang terkenal di seluruh dunia (Timur dan Barat) dengan karyanya yang diciptakan berpandu kepada *prototype* warisan Jalaluddin Rumi. Mesejnya juga tidak baru (tidak original), tetapi itu tidak mengurangi sedikit pun nilai keindahan, kebenaran dan kemanfaatannya. Syair itu dalam bahasa aslinya, iaitu Parsi, diberi nama *Rumuz-i Bekhudi*, dan diterjemahkan oleh A.J. Arberry ke dalam bahasa Inggeris dengan judul *The Mysteries of Selflessness* (London: John Murray, 1953). Berdasarkan kepada naskhah terjemahan ini saya cuba menterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia beberapa baris sahaja dari satu bab syair yang berjudul:

“Bahasa Dalam Waktu Keruntuhan Nilai, Kesetiaan Yang Teguh Kepada Nilai-Nilai Lama Adalah Lebih Baik Dari Pemikiran yang Bebas”.

Zaman kini menyembunyikan pelbagai keributan di bawah kepalanya; wataknya yang resah dikerumuni kekacauan demi kekacauan. Masyarakat dari bangsa-bangsa purba pada zaman moden ini berada dalam kekeliruan;

Dalam kehidupan, ketiadaan lagi getahnya, bergantung lesu. Kemegahan dan kegemerlapan

hari-hari kita menjadikan kita asing kepada diri sendiri, dan merampas alat senandung kita. Dicurai dari hati kita apinya murni, asli, memalapkan dalam dada kita sinaran dan nyala api. La illaha illa`Llah (Tiada Tuhan melainkan Allah).

‘Pabila keruntuhan menghancurkan tabiat hidup yang berimbangan, maka Ummah boleh mencari kestabilan dalam kesetiaan yang teguh pada peraturan lama.

Pergi kami mengikuti jalan orang tuamu, kerana di sana ketenangan menunggumu; Kesetiaan kepada contoh mereka bererti teguhnya pendirian Ummah. Pada Musim Daun Berguguran, kamu yang tidak berdaun dan berbuah sama, jangan sekali-kali patah dari pokok, mengharapakan Musim Bunga akan tiba.

Lantaran kamu sudah kehilangan samuderamu, berprihatinlah, supaya kehilangan lebih besari tidak menimpamu. Jagalah dengan baik anak sungaimu yang tipis itu; kerana siapa tahu (suatu hari) air deras dari gunung akan mengisimu kembali, dan kau akan sekali lagi dilambung di atas dada gelombang ribut yang menyelamatkan....

(hlm. 40)

KALAU kita membaca syair-syair Iqbal (biarpun dalam terjemahan) yang semuanya panjang-panjang belaka, kita sedikit pun tidak akan berasa jemu. Malah sebaliknya kita akan mendapat satu semangat yang lohor dan nafas baru yang segar. Ini disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama sekali tujuan karyanya ialah untuk menjadikan si muslim bangkit semula dari kejemuan dan kelesuannya. Kemudian bahasanya indah tanpa sebarang kekaburan. Dia meminjam bentuk dan imej-imej tradisional dalam alam puisi Islam di Asia Barat tanpa menghilangkanan keasliannya. Mesejnya jelas, mudah difahami dan perasaannya dipenuhi oleh nilai-nilai yang mulia. Ia tidak banyak menonjolkan dirinya atau rasa individualistisnya. Emosi yang ditonjolnya ialah emosi yang menjurus kepada ketinggian kerohanian dan keredaan Ilahi. Ia tidak sedikit pun mencuba mencuit perasaan seks atau hawa nafsu pembacanya, dan sekalipun dengan temanya dan gayanya yang tidak asli, namun keindahan dan ketinggian syair-syair Iqbal tetap dirasakan sampai ke hari ini. Ibarat permata tulen, syair-syairnya mengandungi Kebenaran (di samping kebenaran) yang mutlak dan ini menjamin keabadian nilainya. Sedang permata-permata buatan dari kaca, meskipun cahayanya melaung-laung, ia hanya bererti kepada pemakainya sahaja dan keesokan harinya ia bakal menjadi usang dan ditenggelamkan oleh kaca-kaca lain! Hakikatnya ia adalah kepalsuan yang terjalin dari kata-kata 'nan indah sahaja.